

TARIKH	14 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	53	RUANGAN	Dari Terengganu

Jemaah haji selamat pulang

KUALA TERENGGANU- Seramai 447 jemaah haji dari Pantai Timur selamat tiba di Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM) di sini, kira-kira jam 9.05 pagi semalam.

Sebahagian besar jemaah haji berkenaan adalah dari Terengganu, manakala sebahagian lagi dari Pahang dan Kelantan.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Agama dan Penerangan negeri, Muhammad Ramli Nuh ketika menyambut jemaah haji berkata, penerbangan terus dari LTSM ke Jeddah itu adalah komitmen kerajaan menyediakan kemudahan kepada jemaah untuk menunaikan Rukun Islam kelima.

Menurutnya, masyarakat tidak harus melepaskan peluang menunaikan haji melalui lapangan terbang berkenaan kerana kemudahan disediakan amat selesa.

"Kita tidak perlu lagi ke Kuala Lumpur melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur



“ Masyarakat tidak harus melepaskan peluang menunaikan haji melalui lapangan terbang berkenaan kerana kemudahan disediakan amat selesa.”

Muhammad Ramli

(KLIA) kerana kita sudah mempunyai LTSM yang boleh membawa terus jemaah ke Makkah," katanya.

Sementara itu, seorang jemaah haji yang baru tiba, Abdul Latif Yusof, 49, berkata, kewujudan perkhidmatan LTSM adalah kemudahan yang bagus dan patut dimanfaatkan.

"Terima kasih kepada kerajaan kerana menyediakan kemudahan seumpama ini

kerana kita tidak perlu lagi ke KLIA untuk menunaikan haji," katanya.

Seorang lagi jemaah, Azizah Awang, 56, dari Kuantan pula berterima kasih kepada Tabung Haji kerana memberikan layanan yang baik.

"Saya juga amat gembira kerana boleh menunaikan Rukun Islam kelima ini melalui LTSM dan tidak perlu ke KLIA lagi," katanya. - Bernama